

KHAMIS • 07.09.2017

kota@utusangroup.com.my

Unit Berita Kota

44, Jalan Utusan,
Melalui Jalan Chan Sow Lin,
55200, Kuala Lumpur.
Facebook: Utusan Kota
Twitter: @UtusanKota
Laman web: www.utusan.com.my

UTUSAN KOTA



LEMBAH KLANG
NEGERI SEMBILAN
MELAKA

REAKSI

SAMPAH TEPI JALAN CACATKAN PEMANDANGAN



INDIVIDU yang suka membuang sampah dari kenderaan pentingkan diri sendiri. Tindakan wajar diambil terhadap mereka bagi memberi pengajaran."

NOR AZLIN OSMAN
Penduduk Kampung



JUMLAH sampah yang terpaksa dikutip dan dibersihkan berganda setiap kali cuti sekolah atau cuti umun. Sikap suka membuang sampah di merata tempat terutama di kawasan tumpuan di Alor Gajah benar-benar mengecewakan."

MARIANNE LAMIN
Pekerja Pembersihan



PIHAK berkuasa tempatan perlu memantau dan mengambil tindakan mengkuatkuasaan terhadap pengguna kenderaan yang membuang sampah dari kenderaan sehingga mencacatkan pemandangan kawasan di tepi jalan."

AINOL KASIM
Penduduk Kampung

Sikap segelintir pemandu membuang sampah dari kenderaan memburukkan lagi keadaan persekitaran.

PEMANDANGAN yang menjelikkan apabila sampah sarap bertaburan di tepi-tepi jalan utama menuju ke arah pusat bandar Melaka menerusi Lebuhraya Alor Gajah-Melaka-Jasin.

Buang sampah dari kenderaan cacatkan keindahan pintu masuk Melaka

Sampah dari langit?

Oleh **SUFFIAN ABU BAKAR**
suffianmelaka@utusan.com.my

■ MELAKA 6 SEPT.

SETIAP kali musim cuti persekolahan atau perayaan, negeri Melaka sering menjadi pilihan pelancong untuk berkunjung melawat tempat-tempat bersejarah dan menarik yang terdapat di seluruh negeri ini.

Namun apa yang menyedihkan selepas sahaja tamat cuti berkenaan, sampah sarap kelihatan di tepi-tepi jalan utama khususnya di kawasan yang menjadi laluan masuk ke negeri ini.

Sebagai contoh, sebaik sahaja keluar daripada Plaza Tol Simpang Ampat di Alor Gajah, banyak sampah sarap yang dibuang di tepi-tepi jalan utama menuju ke arah pusat bandar Melaka menerusi Lebuhraya Alor Gajah-Melaka-Jasin (AMJ).

Tinjauan Utusan Malaysia di sekitar kawasan selepas plaza tol itu mendapati, terdapat sampah sarap seperti botol minuman plastik, bungkus makanan memenuhi rumput



SEORANG pekerja menjalankan kerja-kerja pembersihan di kawasan Plaza Tol Simpang Ampat, Alor Gajah, Melaka.

hijau dan longkang berhamiran.

Sebagai sebuah negeri yang mengamalkan budaya kebersihan, keadaan ini bakal menjejaskan imej negeri Melaka yang merupakan negeri pertama melaksanakan kempen

KAMPANTAU KHIDMAT ANDA

kebersihan, negeri hijau bandar teknologi termasuk memperkenalkan moto 'Don't Mess With Melaka' dalam kalangan rakyatnya.

Berdasarkan pemerhatian kebanyakan sampah itu datanganya daripada pengguna kenderaan yang tidak bertanggungjawab membuang sampah dari kenderaan ketika berhenti untuk membeli makanan atau cenderahati yang dijual di kedai-kedai di tepi jalan.

Keadaan lebih memburukkan apabila pertambahan jumlah pengguna kenderaan yang berhenti atau melalui kawasan itu.

Malah ada dalam kalangan penduduk di kawasan Kampung Simpang Ampat itu yang ditemui berkata, pihak bertanggungjawab hanya melaksanakan tugas mengutip sampah yang sudah siap dikumpulkan.

Ada yang mendakwa sampah yang bertaburan itu dibiarkan begitu sahaja sehingga mencacatkan pemandangan dan atas inisiatif penduduk serta peniaga di kawasan terlibat mereka hanya membersihkan sampah di kawasan premis mereka sahaja.

Apa yang membimbangkan, Melaka buat julung kalinya akan menjadi tuan rumah Persidangan Urban Environmental Accords (UEA) kali ke-4 yang akan diadakan mulai esok hingga 9 September ini.

Dengan pembabitan kira-kira 250 delegasi dalam dan luar negara sudah pasti kawasan Alor Gajah akan dilawati oleh mereka dan imej negeri ini mungkin terjejas sekiranya kebersihan tidak dijaga.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) yang menjadi tuan rumah kepada persidangan kali ini, Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) memainkan peranan besar bagi memastikan acara ini berlangsung mengikut jadual ditetapkan dan pada masa sama kebersihan pintu masuk negeri ini sentiasa bersih.

Pengguna perlu bantu PBT jaga kebersihan

MELAKA 6 Sept. - Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) memandang serius tindakan segelintir individu yang membuang sampah dari kenderaan sehingga mengotorkan laluan tepi jalan di pintu masuk dari utara negeri ini iaitu di Plaza Tol Simpang Ampat, Alor Gajah dekat sini.

Sehubungan itu, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu akan meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan di kawasan tersebut termasuk mengenalpasti pengguna kenderaan yang membuang sampah secara berkala dengan menggunakan lori serta motosikal setiap hari di kawasan tersebut.

Pengarah Kebersihan dan Kesihatan MPAG, Mohd. Faizal Mohd. Zin berkata, sebanyak 20 kakitangan agensi itu ditugaskan untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan secara berkala dengan menggunakan lori serta motosikal setiap hari di kawasan tersebut.

"Tindakan membuang sampah dari kenderaan lebih kepada sikap pengguna itu sendiri di mana kita tidak boleh mengharapkan kepada PBT untuk mengawal semua kawasan itu setiap masa," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Menurut Mohd. Faizal, masya-

MAKLUM BALAS



MOHD. FAIZAL MOHD. ZIN

rakat juga seharusnya membudayakan amalan menjaga kebersihan dengan memastikan tidak membuang sampah sewenang-wenangnya di tempat awam.

Katanya, orang ramai juga tidak seharusnya meletakkan tanggungjawab menjaga kebersihan di bahu PBT sebaliknya sama-sama menjaga kebersihan di tempat awam.

"Amalan menjaga kebersihan katanya, bukan sahaja dituntut dalam Islam malah hanya mencerminkan sikap dan nilai seseorang itu," katanya.

